

## Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia

Mastery of Malay Syntax Among Undergraduate Students of Malay Language and Linguistics at University Putra Malaysia.

SITI KHODIJAH CHE MEE

### ABSTRAK

*Kajian ini memfokuskan penguasaan sintaksis bahasa Melayu yang melibatkan pelajar tahun akhir Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. Hasil daripada tinjauan awal mendapati bahawa, kebanyakan daripada pelajar tahun akhir tidak menguasai komponen bahasa Melayu yang dipelajari dan hanya mengambil subjek bahasa untuk memenuhi kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti. Sememangnya, bahasa percakapan amat mudah digunakan tetapi bahasa penulisan banyak melibatkan rumus yang tertentu dan perlu dipatuhi. Bahasa Melayu amat mementingkan pembinaan ayat yang betul dalam menghasilkan penulisan yang baik. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan yang sedia ada dalam diri pelajar tentang penggunaan sintaksis untuk membentuk ayat yang mematuhi sistem tatabahasa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu dan menganalisis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar tahun akhir yang major Bahasa dan Linguistik Melayu. Kajian ini akan melibatkan kaedah perpustakaan, kaedah lapangan, kaedah soal selidik dan soalan penilaian. Responden untuk kajian ini melibatkan 50 orang pelajar tahun akhir yang mengambil kursus Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. Hasil dapat kajian dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan ini penting kepada pensyarah bahasa Melayu, pelajar di IPTA khususnya pelajar Linguistik Melayu, guru bahasa Melayu dan golongan profesional. Oleh itu, pentingnya kajian tentang sintaksis bahasa Melayu untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang dalam bidang bahasa.*

*Kata kunci: Sintaksis; penguasaan bahasa Melayu; pelajar tahun akhir*

### ABSTRACT

*This study focuses on the mastery of the Malay language syntax which involves a final year student from the Malay Language and Linguistics course at University Putra Malaysia. The results of the preliminary survey found that most of the final year students do not master the language is learned and just study the subject to meet the university's requirement. It is acknowledged that conversational languages are easy to practice but there are many writing languages involve certain formulas that need to be adhered to. Malay language concerns about the construction of a proper sentence in producing a good writing. This study is therefore, aimed to determine the level of knowledge available among students on the use of syntax according to right grammar. The objective of this study was to identify the level of mastery and to analyze common mistakes made by final year students of similar course. This study includes library search, field observation and questionnaire survey involving 50 students. The results were analyzed qualitatively and quantitatively. This research is deemed as important to the lecturers, students, teachers and professionals. It is hoped that the study can be useful in producing good and quality graduates.*

*Keywords: Syntax; mastery of the Malay language; final year students*

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada tahun 1983, bahasa Melayu telah menjadi bahasa penghantar di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi secara berperingkat sehingga hari ini. Bahasa Melayu yang telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia Perkara 152, Fasal 1(a) dan Fasal 3 Perlembagaan Malaysia menyatakan

bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Berdasarkan matlamat Dasar Pendidikan yang ditetapkan bahawa bahasa kebangsaan menjadi bahasa penghantar sepenuhnya dalam sistem pendidikan tanpa menafikan kepentingan bahasa yang lain. Namun, ada beberapa isu yang menyebabkan kegoyahan bahasa Melayu dalam pendidikan. Contohnya, arahan penggunaan bahasa

Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik telah menyebabkan bahasa Melayu menghadapi cabaran dan kekangan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Justeru, bahasa Melayu perlu diperkukuh untuk membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu dan layak menjadi bahasa utama dalam semua bidang. Oleh itu, pemantapan bahasa Melayu sangat penting dalam menempuh arus globalisasi dalam dunia akademik dan berkaitan dengannya (Jaafar Jambi 2008).

Di peringkat IPTA, keperluan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu amat penting. Hal ini demikian kerana, peranan bahasa Melayu yang semakin berkembang sebagai bahasa ilmiah yang telah digunakan dalam pelbagai laras mengikut bidang tertentu. Menteri Pendidikan Tinggi telah mewajibkan pelaksanaan kursus bahasa Melayu di IPTA dan IPTS agar dapat memantapkan penguasaan dan pengetahuan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Awang Sariyan (2010) mengatakan bahawa, walaupun pada peringkat SPM (Sijil Tinggi Malaysia) mendapat keputusan 1A, namun tidak menjamin pelajar mampu untuk menguasai sistem bahasa yang memuaskan. Bahkan, boleh berlaku kesilapan ketika bercakap dan menulis dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi yang betul.

Justeru, pelajar yang mengambil jurusan bahasa khususnya bahasa Melayu di IPTA, seharusnya mempelajari semua aspek, iaitu perlu menguasai tatabahasa dan juga berkemahiran dalam penulisan bahasa Melayu. Bahkan, seseorang itu mampu meluaskan pemahamannya sekiranya bersungguh-sungguh dan mengikut panduan yang betul dalam menguasai sesuatu bidang akademik. Oleh itu, bidang sintaksis penting kerana jika diabaikan berlakunya kerosakan penggunaan tatabahasa dalam kalangan pelajar.

#### PENYATAAN MASALAH

Daripada tinjauan awal yang dilakukan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi membuktikan bahawa, penguasaan pelajar dalam bidang sintaksis masih sederhana dan perlu melakukan penambahbaikan untuk menguasai bidang tersebut. Selain itu, banyak kajian sintaksis yang memberi fokus kepada peringkat sekolah rendah dan menengah. Namun, sedikit sekali kajian yang dilakukan kepada pelajar tahun akhir yang mengambil jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu.

Dalam kajian lepas, kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar, iaitu kesalahan menggunakan kata kerja dalam ayat, penyusunan ayat yang salah dalam kata sendi nama, pemilihan unsur bahasa yang tidak tepat dalam ayat dan beberapa lagi kesalahan yang dilakukan. Dalam hal ini, antara masalah yang dihadapi oleh pelajar yang dapat dikesan secara am ialah ayat majmuk (NorMaizam binti Hamid 2002), pola-pola ayat (Awang bin Ismail 1998) dan struktur ayat bahasa Melayu (Zaharani Ahmad dan Fazal Mohamed 2010).

Berdasarkan kajian yang lepas mendapati bahawa, kepentingan pengetahuan bahasa Melayu amat penting kerana dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kecekapan berbahasa dan seterusnya boleh mengelakkan berlakunya banyak kesalahan bahasa (Shukery Mohamaed dan Zaharah Abdullah 1998). Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif mengkaji pengetahuan bahasa yang memfokuskan kepada aspek yang sering menjadi kelemahan pelajar tahun akhir untuk memperbaiki kesalahan agar tenaga pengajar di IPTA atau IPTS dan guru sekolah dapat memberi fokus yang sewajarnya kepada beberapa aspek yang didapati pelajar lemah untuk menguasainya.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji, iaitu:

1. Mengenal pasti penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tahun akhir yang mengkhusus bidang Bahasa dan Linguistik Melayu.
2. Menganalisis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar tahun akhir yang mengkhusus bidang Bahasa dan Linguistik Melayu.

#### KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kepada jabatan bahasa Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia kerana dapat merangka strategik baharu dalam memperkasa bahasa khususnya kepada pelajar tahun akhir. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan atau panduan untuk tenaga pengajar tidak kira di peringkat universiti atau kolej agar sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu dan menambah nilai pengetahuan bahasa daripada semasa ke semasa. Selain itu, tenaga pengajar dapat memberi

fokus yang lebih kepada aspek bahasa yang perlu diberi penekanan agar kelemahan pelajar dalam menguasai aspek tertentu dapat dielakkan.

Di samping itu, kajian ini juga mendedahkan masalah yang dihadapi oleh pelajar sekali gus membantu pihak yang terlibat untuk memikirkan cara agar dapat menyelesaikan masalah bahasa yang ada. Kajian ini juga membuka ruang kepada pelajar tahun akhir agar meningkatkan nilai diri dengan menguasai ilmu bahasa agar dapat bergraduasi dengan cemerlang dan mampu berdaya saing dengan pasaran kerja yang semakin mencabar. Oleh itu, mutu bahasa Melayu dapat dipelihara baik dengan adanya graduan yang berkualiti dalam bidang bahasa.

## SOROTAN KAJIAN

Nik Safiah Karim (1981) pula menjelaskan bahawa punca kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar berlaku kerana penguasaan sistem bahasa Melayu pelajar tersebut berada pada tahap yang kurang memuaskan. Murid berkenaan melakukan kesalahan bahasa kerana gangguan bahasa ibunda dan kekeliruan yang datang daripada kekurangan pengetahuan tentang nahu yang betul. Dalam hal ini, pelajar yang hanya mempelajari bahasa Melayu khususnya dalam bidang sintaksis dengan tidak bersungguh-sungguh atau sekadar memenuhi subjek wajib dalam setiap semester, pelajar tersebut tidak mampu menguasai bahasa dengan sebaiknya. Oleh itu, kesannya akan berlaku banyak kesalahan dan kekeliruan yang sama jika pelajar tidak memperbaiki pengetahuan bahasa daripada semasa ke semasa.

Dalam konteks ini juga, terdapat juga pelajar yang menggunakan ayat struktur sintaksis yang menyalahi hukum-hukum tatabahasa. Keadaan ini melibatkan pelajar tahun akhir yang mengambil jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu. Ini menyebabkan hasil penulisan yang dihasilkan oleh pelajar mempunyai pelbagai kesalahan struktur seperti frasa, penggunaan kata dalam penulisan dan beberapa kesalahan bahasa yang dikenal pasti. Nurul Istinganah (2012) pula menjelaskan bahawa pelajar mestilah mempunyai teknik belajar yang betul untuk membantu meningkatkan tahap kefahaman pelajar. Selain itu, tenaga pengajar juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan pelajaran agar pendedahan tentang kesalahan bahasa dapat diatasi dan memberi fokus pada kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar.

Dalam pada itu, terdapat juga kajian yang dilakukan kepada pelajar sekolah menengah tentang

penguasaan bahasa Melayu. Ini membuktikan, kajian berkaitan tatabahasa sering dilakukan oleh pengkaji kerana timbulnya masalah bahasa dalam kalangan pelajar. Jeniri Amir (2005) memberi pendapat bahawa, bahasa Melayu mudah dipelajari, tapi sukar untuk dikuasai. Masalah ini dinyatakan dalam kajian. Awang Ismail (1998) menyatakan bahawa pelajar tidak mempelbagaikan jenis ayat dalam karangan. Pelajar kerap menggunakan ayat penyata yang mudah tanpa menggabungkan ayat dengan kata hubung yang lain. Contohnya, disebabkan kelemahan pelajar dalam menguasai pembinaan ayat, kebanyakan pelajar lebih cenderung menggunakan ragam ayat majmuk campuran berbanding ayat majmuk relatif dan pancangan. Oleh itu, pelajar tidak akan mampu untuk mengembangkan kebolehan bahasa khususnya dalam sintaksis untuk pembinaan ayat yang lebih gramatis.

Penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan pelajar yang mengambil jurusan bahasa menyebabkan pelajar sering melakukan kesalahan yang sama atau penggunaan bahasa Melayu yang tidak betul (Ooi Chwee Hwa 2014). Seseorang melakukan kesilapan bahasa kerana kekurangan pengetahuan terhadap sistem bahasa tersebut (Juriah 1994). Zaharani Ahmad (2010) turut mendapati bahawa kegagalan pelajar untuk memahami binaan frasa nama (FN) dan frasa kerja (FK) menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam pembinaan ayat yang betul. Oleh itu, kesungguhan pelajar dalam mendalami ilmu bahasa mesti dipertingkatkan dalam mendepani cabaran bahasa Melayu pada masa hadapan.

Dazriiansyah (2015) dalam kajiannya terhadap pelajar telah mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah dalam menggunakan struktur perkataan yang melibatkan fungsi subjek, predikat, objek, dan unsur keterangan dalam karangan pelajar. Oleh itu, menyebabkan kesukaran kepada pelajar untuk memahami makna ayat kerana lemahnya pemahaman terhadap struktur ayat yang betul. Dapatan ini sama dengan dapatan daripada Jayasundara dan Premaratha (2011) yang mengatakan bahawa struktur ayat sering menjadi masalah utama menulis karangan. Hasil kajian beliau membuktikan sebanyak 80 peratus kesalahan yang dianalisis merangkumi beberapa aspek tatabahasa termasuklah sintaksis.

Kesalahan yang sering terjadi ketika pembentukan ayat atau pembinaan ayat mampu diatasi dengan baik apabila pelajar menguasai bidang bahasa dengan tekun. Implikasinya, pelajar mampu untuk memahirkan diri dalam bidang ini dengan suasana pembelajaran yang bersistematik dan sifat daya saing

yang dapat membantu mencekapkan diri pelajar daripada semasa ke semasa. Kajian yang lepas juga telah memberikan satu pendedahan awal kepada pengkaji tentang penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar sejak daripada pendidikan awal hingga pendidikan pada peringkat tinggi. Gambaran ini memberikan idea kepada pengkaji untuk membuat kajian sekali gus pengkaji berharap dapat menyumbang kepada pendidik di luar sana sehingga dapat meneliti tahap pencapaian yang mampu diubah dalam proses memandaikan pelajar.

Oleh itu, kajian tersebut adalah keadaan sebenar yang berlaku dalam kalangan pelajar iaitu tahap penguasaan bahasa Melayu belum mencapai kedudukan yang melegakan meskipun dalam peringkat tinggi. Sorotan penyelidikan yang dipaparkan memperlihatkan bahawa pengetahuan bahasa Melayu khususnya pelajar di peringkat IPTA.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian tentang penguasaan sintaksis dalam kalangan pelajar tahun akhir ini berbatasan kepada empat aspek, iaitu analisis kesalahan subjek dan predikat, pola-pola ayat, ayat majmuk dan jenis ayat. Empat aspek ini dikaji untuk menentukan kebolehan pelajar dalam menguasai sintaksis daripada asas tatabahasa sehingga melibatkan ayat yang berstruktur.

Kajian ini dilakukan terhadap 50 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun akhir yang mengambil jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan, kaedah soal selidik dan temu bual. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang meliputi tentang subjek dan predikat ayat, pola-pola ayat,

ayat majmuk dan jenis ayat. Data yang dikumpulkan daripada borang soal selidik dikira dalam peratusan dan dipaparkan dalam bentuk graf. Graf tersebut dihuraikan secara deskriptif.

#### DAPATAN KAJIAN

Tujuan utama pengkaji menganalisis tahap penguasaan sintaksis dalam kalangan pelajar kerana bidang sintaksis merupakan cabang daripada tatabahasa selain daripada morfologi, fonetik dan fonologi, semantik dan lain-lain. Ia menjadi sendi dalam pembentukan ayat dan rangkai kata sehingga menjadi ayat yang sempurna dan gramatis.


Rangkai kata ialah urutan kata yang terdiri lebih daripada satu perkataan yang bertindak sebagai satu kesatuan dalam bahasa Melayu. Ayat pula ialah ujaran yang mengandungi satu idea yang lengkap dan mempunyai intonasi-intonasi tertentu serta dibentuk berpandukan kepada empat pola asas ayat iaitu Frasa Nama + Frasa Nama, Frasa Nama + Frasa Kerja, Frasa Nama + Frasa Adjektif dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (Nik Hassan Basri 2009). Kajian ini memberi fokus kepada penguasaan dalam empat aspek sintaksis, iaitu subjek dan predikat, pola-pola ayat, ayat majmuk dan jenis ayat. Graf dan jadual di bawah memberi gambaran jelas berkaitan empat aspek yang dikaji.

#### SUBJEK DAN PREDIKAT

Jadual 1 di bawah menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam mengenal pasti ayat subjek dan predikat.

JADUAL 1. Subjek dan Predikat

| No. | Soalan  | Jawapan yang betul | Jawapan yang salah |
|-----|---|--------------------|--------------------|
| 1.  | Semua orang mengetahui bahawa tuduhan itu fitnah belaka.                      | 13                 | 37                 |
| 2.  | Mahasiswa yang tinggal berhampiran dengan sekolah itu telah balik ke kampung. | 27                 | 23                 |
| 3.  | Apa yang terjadi masih menjadi kenangan.                                      | 30                 | 20                 |
| 4.  | Bahawa kenyataan itu salah tidak dapat dinafikan lagi.                        | 18                 | 34                 |
| 5.  | Amaran yang dikeluarkan oleh kerajaan mesti dipatuhi oleh semua rakyat.       | 24                 | 26                 |
| 6.  | Sesiapa yang mengelat dalam peperiksaan akan diambil tindakan tegas.          | 28                 | 22                 |
| 7.  | Istana yang tersergam indah di atas bukit itu istana Sultan Melaka            | 26                 | 24                 |
| 8.  | Aisyah masih ragu-ragu menerima pinangan jejaka itu.                          | 17                 | 32                 |
| 9.  | Orang itu lebih suka diam daripada bercakap seperti murai.                    | 10                 | 40                 |
| 10. | Dia bersorak sampai suaranya serak.   | 19                 | 31                 |
|     | Jumlah  | 212                | 289                |
|     | Peratus   | 43%                | 57%                |



RAJAH 1. Jawapan yang Betul dan Jawapan yang Salah

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa purata 57% pelajar gagal mengenal pasti subjek dan predikat dalam ayat. Penguasaan tentang subjek dan predikat dalam sesuatu ayat masih tidak dapat dikuasai oleh pelajar sehingga menyebabkan banyak kesalahan yang berlaku. Pelajar yang dapat menjawab dengan betul bagi soalan yang diberikan, purata sebanyak 43% jawapan yang tepat. Ini membuktikan bahawa, penguasaan subjek dan predikat perlu dipertingkatkan lagi agar kefahaman dan konsep jelas untuk membina struktur ayat yang gramatis.

Antara soalan yang tertinggi gagal dijawab oleh pelajar ialah soalan (1), (4) dan (9). Purata bagi soalan yang salah sebanyak 37, 34 dan 40. Hal ini demikian kerana, pelajar keliru membezakan ayat untuk memisahkan bahagian subjek dan predikat kerana masih ada pelajar yang kurang menguasai peraturan bahasa sehingga berlakunya kesalahan hukum sintaksis. Sebahagian pelajar dapat menjawabnya dengan tepat.

#### Soalan 1

Semua orang mengetahui bahawa tuduhan itu fitnah belaka

(Subjek) (Predikat)

Klausa “*Semua orang*” tidak sempurna sebagai subjek kerana penambahan kata hubung komplemen ‘*bahawa*’ yang bertugas sebagai predikat ayat telah memisahkan fungsi subjek dan predikat. Ayat “*Semua orang mengetahui*” menjadi subjek kerana ia mewakili klausa tidak bebas dan memerlukan klausa lain untuk menyambung ayat menjadi lengkap. Manakala “*bahawa tuduhan itu fitnah belaka*” menjadi predikat untuk menyempurnakan ayat. Klausa ialah satu unit rangkaian yang mengandungi subjek dan predikat yang menjadi konstituen kepada ayat (Nik Safiah Karim 2011).

#### Soalan 4

Bahawa kenyataan itu salah tidak dapat dinafikan lagi

(Subjek) (Predikat)

Pelajar telah menggariskan klausa, “*Bahawa kenyataan*,” sebagai subjek dan “*itu salah tidak dapat dinafikan lagi*,” sebagai predikat. Jawapan klausa subjek yang diberikan oleh pelajar tidak sempurna ayatnya kerana tidak termasuk dalam klausa utama iaitu tidak memerlukan ayat lain untuk melengkapkan maksud. Klausa “*Bahawa kenyataan itu salah*” menjadi subjek walaupun di awal ayat terdapat kata hubung komplemen “*Bahawa*” dan klausa “*tidak dapat dinafikan lagi*” menjadi predikat.

#### Soalan 9

Orang itu lebih suka diam daripada bercakap seperti murai

(Subjek) (Predikat)

“*Orang itu lebih suka diam*” bukan subjek kerana perkataan “*Orang itu*” sudah sempurna sebagai frasa nama yang mewakili subjek. Ayat “*lebih suka diam daripada bercakap seperti murai*” menjadi klausa keterangan perbandingan dalam ayat. Ayat “*Orang itu*” menjadi subjek kerana permulaan ayat dengan frasa nama dan “*lebih suka diam daripada bercakap seperti murai*” menjadi predikat dan jenis ayat termasuk dalam klausa keterangan. Pelajar yang tidak menguasai proses pembentukan ayat dalam bahasa Melayu, sudah tentu sukar untuk menentukan subjek dan predikat dalam ayat.

Berdasarkan soalan (5), (8), (10) didapati purata sederhana sebanyak 26, 32 dan 31 untuk mengenal pasti tugas subjek dan predikat dalam ayat. Pelajar yang lemah dan gagal menguasai perkara asas dalam permulaan tatabahasa akan menyebabkan mereka susah untuk memahami serta mempelajari konsep yang lebih tinggi dalam bahasa Melayu secara keseluruhannya. Tahap kefahaman bagi setiap pelajar berbeza bergantung kepada tahap pengetahuan yang pelajar peroleh ketika belajar bersama tenaga pengajar atau latihan individu (Kouider Mokhtari & Dale S. Niederhauser 2012).

#### Soalan 5

Amaran yang dikeluarkan oleh kerajaan mesti dipatuhi oleh semua rakyat

(Subjek) (Predikat)

Perkataan “*Amaran*” merupakan kata perintah yang berbentuk ayat larangan dengan tujuan menegah atau mencegah seseorang melakukan sesuatu, (Nik Safiah Karim 2011). Pada umumnya, subjek ialah frasa nama yang diletakkan di awal ayat, tengah atau di hujung ayat untuk menyatakan sesuatu ayat itu sempurna dan selepasnya ada predikat. Oleh itu, dalam ayat ini subjek dipanjangkan dalam ayat “*Amaran yang dikeluarkan oleh kerajaan*” supaya ayat subjek menjadi sempurna dalam intonasi yang betul. Klausa “*mesti dipatuhi oleh semua rakyat*” menjadi predikat kerana ia termasuk dalam klausa tidak bebas yang memerlukan klausa utama. Pelajar telah melakukan kesalahan iaitu menggariskan perkataan “*Amaran*” sebagai subjek.

#### Soalan 8

Aisyah masih ragu-ragu untuk menerima pinangan jejaka itu.

(Subjek) (Predikat)

Pelajar telah menggariskan perkataan “*Aisyah*” dalam ayat sebagai subjek dan jawapan tersebut tidak tepat walaupun pada rumusnya ia sebagai frasa nama. Klausa “*Aisyah masih ragu-ragu,*” menjadi subjek apabila dipisahkan klausa “*menerima pinangan jejaka itu,*” dengan kata hubung komplemen ‘*untuk.*’ Ini jelas menunjukkan bahawa, perkataan ‘*untuk*’ yang hadir di tengah ayat sebagai pemisah subjek dan predikat dalam ayat.

#### Soalan 10

Dia bersorak sampai suaranya serak

(Subjek) (Predikat)

Secara rumus, perkataan “*Dia*” ialah frasa nama. Kehadiran perkataan “*bersorak*” sebagai kata kerja tidak transitif dalam ayat menyebabkan “*Dia bersorak*” menjadi satu ayat. Hal ini demikian kerana, klausa tersebut terikat oleh kata keterangan akibat iaitu *sampai* yang menerangkan inti utama subjek dan ayat *suaranya serak* menjadi predikat. Pelajar yang keliru untuk mengesan subjek pada awal ayat telah menggariskan perkataan ‘*Dia*’.

Soalan yang paling rendah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ialah soalan (2), (3), (6) dan (7) iaitu dengan purata 23, 20, 22 dan 24. Kemahiran mengesan subjek dan predikat ada kaitannya dengan kebolehan untuk mengenal pasti klausa dalam ayat. Sesuatu ayat mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya satu klausa. Setiap klausa bebas mestilah

terdiri daripada bahagian subjek dan predikat (Abdul Ghalib Yunus 2012).

#### Soalan 2

Mahasiswa yang tinggal berhampiran dengan sekolah itu telah balik ke kampung

(Subjek) (Predikat)

Subjek berada dalam ayat yang panjang dan predikat berada dalam ayat yang pendek. Perkataan “*Mahasiswa*” sebagai inti dan selepasnya “*yang tinggal berhampiran dengan sekolah itu*” sebagai penerang nama tempat iaitu unsur yang menerangkan lokasi bagi inti. Dan selebihnya menjadi predikat “*telah balik ke kampung.*” Pelajar dikatakan tidak mengenal ayat, jika mereka tidak dapat mengenal pasti bahagian predikat dan bahagian subjek dalam ayat. Masalah ini timbul apabila pengguna mengatakan binaan subjek sebagai predikat dan binaan predikat sebagai subjek (Abdul Ghalib Yunus 2012). Pelajar telah menggariskan perkataan “*Mahasiswa*” sebagai subjek dan “*yang tinggal berhampiran dengan sekolah itu telah balik ke kampung*” sebagai predikat. Menentukan subjek dan predikat bukan hanya mengikut rumus frasa tetapi melibatkan intonasi dalam ayat.

#### Soalan 3

Apa yang terjadi masih menjadi kenangan

(Subjek) (Predikat)

Ayat “*Apa yang terjadi*” menjadi subjek dalam ayat dan sebagai ayat inti untuk menerangkan sesuatu. Bagi ayat “*masih menjadi kenangan*” berfungsi sebagai predikat yang menunjukkan ayat inti diterangkan dengan kehadiran predikat. Dalam soalan ini, pelajar telah menggariskan ayat “*Apa yang terjadi masih menjadi*” sebagai subjek dan “*kenangan*” sebagai predikat adalah tidak tepat.

Jawapan yang diberikan oleh pelajar tidak menepati rumus subjek dan predikat. Ayat subjek tergantung dan tidak sempurna ayatnya. Malah, ayat predikat perkataan “*menjadi*” yang terletak di hujung garisan subjek itu berfungsi sebagai kata kerja tak transitif dengan pelengkap dan ia perlukan pelengkap ayat kerana makna ayat akan tergantung tanpa unsur pelengkap. Oleh itu, ayat “*masih menjadi kenangan*” mestilah menjadi predikat dan “*Apa yang terjadi*” menjadi subjek dalam ayat.

## Soalan 6

Sesiapa yang mengelat dalam peperiksaan akan diambil tindakan tegas

(Subjek) (Predikat)

Ayat ini ialah ayat penyata iaitu yang memberi keterangan tentang sesuatu. “*Sesiapa yang mengelat dalam peperiksaan*” menjadi ayat inti untuk diterangkan pada bahagian predikat. Perkataan “*peperiksaan*” bertugas sebagai frasa nama yang diletakkan di akhir subjek yang menjadi pemisah di antara subjek dan predikat. Dan selebihnya menjadi predikat. Ayat ini juga melibatkan intonasi dalam ayat, iaitu ia boleh mengenal pasti subjek dan predikat dalam ayat walaupun ayat yang panjang dan pendek. Pelajar memberi jawapan “*Sesiapa yang mengelat*” sebagai subjek dan “*dalam peperiksaan akan diambil tindakan tegas*” sebagai predikat. Disebabkan pelajar tidak menguasai frasa nama yang tepat, maka kesalahan sering dilakukan kerana kecelaruan dalam mengesan ayat.

## Soalan 7

Istana yang tersergam indah di atas bukit itu istana Sultan Melaka

(Subjek) (Predikat)

Soalan 7, subjek digariskan pada “*Istana yang tersergam indah di atas bukit itu*” dan selebihnya menjadi predikat. Subjek dipanjangkan dalam ayat dan pada akhir subjek ada perkataan “*itu*” sebagai kata penekan dalam intonasi ayat. Ia menjadi ayat yang sempurna untuk subjek. Namun, terdapat pelajar menggariskan perkataan “*Istana*” di permulaan ayat sebagai subjek.

Pada umumnya, “*Istana*” mewakili frasa nama dalam ayat ini. Namun, dalam ayat ini subjek dipanjangkan untuk melengkapkan intonasi ayat dan menepati rumus yang ditetapkan. Untuk mengenal pasti bahagian subjek dan predikat dalam ayat, perlu meneliti sehingga ayat terakhir. Ada bahagian subjek dipanjangkan dan bahagian predikat dipendekkan, dan ada bahagian subjek dipendekkan dan bahagian predikat dipanjangkan. Kenal pasti frasa nama yang bertugas dalam ayat, dan selebihnya menjadi predikat.

## POLA-POLA AYAT

Setiap pembentukan ayat dalam sesuatu bahasa dikenali sebagai satu binaan atau konstruksi. Sesuatu binaan ayat bukan sekadar gabungan atau rentetan bentuk kata yang tidak tersusun namun ada beberapa unit kecil yang menjadi rangkaian kata yang seterusnya menjadi ayat yang sempurna dan gramatis (Nik Safiah Karim 2011).

Ayat yang sempurna pula bermaksud ayat yang lengkap daripada segi binaan subjek dan predikat. Ayat-ayat yang tidak mempunyai salah satu binaan tersebut dianggap sebagai ayat yang tidak gramatis. Ayat yang gramatis terdiri daripada empat pola, iaitu Frasa Nama + Frasa Nama, Frasa Nama + Frasa Kerja, Frasa Nama + Frasa Adjektif, dan Frasa Nama + Frasa Sendi. Subjek biasanya terdiri daripada frasa nama sahaja, manakala predikat terdiri daripada sama ada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, atau frasa sendi (Abdul Ghalib Yunus 2012). Jadual 2 menunjukkan peratus pola-pola binaan ayat yang dilakukan oleh pelajar.


JADUAL 2. Pola-pola Ayat

| No. | Soalan                             | Jawapan yang betul | Jawapan yang salah |
|-----|------------------------------------|--------------------|--------------------|
| 1.  | Ayat Frasa Nama + Frasa Nama       | 27                 | 23                 |
| 2.  | Ayat Frasa Nama + Frasa Kerja      | 44                 | 6                  |
| 3.  | Ayat Frasa Nama + Frasa Sendi Nama | 26                 | 24                 |
| 4.  | Ayat Frasa Nama + Frasa Adjektif   | 36                 | 14                 |
|     | Jumlah                             | 133                | 67                 |
|     | Peratus                            | 67%                | 34%                |

Berdasarkan Jadual 2 di atas, purata bagi pelajar yang dapat menguasai pola-pola ayat sebanyak 67% iaitu pelajar telah membina ayat yang betul berdasarkan soalan yang diberikan. Namun, purata pelajar yang masih gagal untuk membina ayat yang

betul sebanyak 34% bagi frasa nama + frasa nama, frasa nama + frasa kerja, frasa nama + frasa sendi nama dan frasa nama + frasa adjektif. Kegagalan pelajar ini menunjukkan bahawa, permulaan dalam ilmu tatabahasa dalam membentuk ayat permulaan

masih tidak dapat dikuasai dengan sempurna. Walaupun bahasa Melayu mudah dipelajari kerana menjadi bahasa perantaraan antara pelajar, namun peraturan bahasa dalam menentukan sesuatu ayat menjadi unsur penting yang perlu diberi penekanan dalam pembelajaran (Zaliza Mohamad Nasir 2017). Rajah di bawah ini menjelaskan secara terperinci purata penguasaan pola-pola ayat dalam kalangan pelajar.



RAJAH 2. Jawapan yang Betul dan Jawapan yang Salah

Rajah 2 di atas menunjukkan bahawa penguasaan pelajar yang menguasai setiap frasa dalam soalan yang diberikan. Purata pelajar yang dapat membina ayat bagi frasa nama + frasa nama yang betul ialah seramai 27 orang pelajar. Selebihnya lagi, seramai 23 orang pelajar gagal menguasai pembinaan ayat yang mengikut pola FN + FN. Purata bagi frasa nama + frasa kerja, pelajar yang membina ayat yang betul seramai 44 orang pelajar dan hanya 6 orang pelajar yang gagal membina pola FN + FK. Frasa nama + frasa sendi nama pula, purata pelajar yang dapat membentuk ayat seramai 26 orang dan seramai 24 orang pelajar yang berjaya membina FN + FSN. Pola yang terakhir, frasa nama + frasa adjektif, purata seramai 36 orang pelajar yang menguasai dengan betul, namun seramai 14 orang tidak memahami secara lebih teliti berkaitan pola-pola ayat FN + FA.

#### Frasa Nama + Frasa Nama

*Budak perempuan yang memakai baju merah itu adik saya*

Dalam ayat ini, frasa “*Budak perempuan*” sebagai frasa nama dan “*yang memakai baju merah itu adik saya*” tidak mewakili frasa nama. Hal ini demikian kerana, perkataan *memakai* dalam ayat ialah dianggap frasa kerja. Mengikut kamus Dewan Edisi Keempat (2010), “*memakai*” bermaksud sesuatu perbuatan yang dilakukan dengan ada caranya tertentu. Ayat ini juga boleh dikategorikan

sebagai ayat majmuk pancangan. Oleh itu, perkataan “*memakai*” tidak sesuai sebagai frasa nama dalam ayat. Untuk menguasai bahasa, pelajar mestilah mengenal frasa. Apabila frasa sudah dikuasai mudahlah untuk membentuk ayat yang gramatis menggunakan pola-pola ayat yang ada dalam bahasa Melayu (Abdul Ghalib Yunus 2012).

#### Frasa Nama + Frasa Kerja

*Ahmad berasa malu untuk ke sekolah kerana gagal dalam peperiksaan.*

Ayat di atas tidak tepat sebagai pola ayat frasa nama + frasa kerja. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar apabila meletakkan perkataan *berasa* selepas frasa nama. Perkataan “*berasa*” berasal daripada perkataan “*rasa*” iaitu perihai sesuatu yang dikecap oleh lidah (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Oleh itu, ayat ini sebagai pola ayat frasa nama + frasa adjektif, bukan frasa nama + frasa kerja kerana perkataan yang salah diletakkan di bahagian frasa kerja atau predikat. Dalam hal ini, pelajar juga tidak memahami jenis predikat yang sebetulnya berdasarkan arahan dalam soalan soal selidik.

#### Frasa Nama + Frasa Sendi Nama

*Nazmi bekerja di Perak sebagai guru yang mengajar mata pelajaran sejarah.*

Perkataan “*Nazmi*” diletakkan di permulaan ayat sebagai frasa nama. Namun, frasa kedua diletakkan perkataan “*bekerja*” yang termasuk dalam kategori frasa kerja. Maksud “*bekerja*” ialah melakukan atau menjalankan sesuatu atau berbagai-bagai kegiatan (usaha atau tugas). Perkataan “*bekerja*” berfungsi sebagai orang yang melakukan untuk mendapatkan hasil (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Oleh itu, ayat ini tidak menepati pola-pola ayat yang dikehendaki iaitu frasa nama + frasa sendi nama.

#### Frasa Nama + Frasa Adjektif

*Ayu seorang gadis yang periang tapi tegas dalam melakukan tugasannya.*

Berdasarkan ayat di atas, kedudukan frasa adjektif tidak tepat sebagai predikat. Perkataan “*seorang gadis*” fungsinya sebagai frasa nama bukan sebagai frasa adjektif. Jadi, ayat ini menjadi ayat frasa nama + frasa nama bukan frasa nama + frasa adjektif. Pada ayat dasarnya, ayat ini digabungkan dengan perkataan *yang* iaitu kata hubung pancangan relatif. Ayat “*Ayu seorang gadis*” ialah ayat berpolakan frasa nama + frasa nama. Oleh itu, ayat ini tidak menepati



kehendak soalan iaitu frasa nama + frasa adjektif. Ayat yang betul ialah “*Ayu periang orangnya namun tegas dalam melakukan tugasannya*”.

### AYAT MAJMUK


Aspek ayat majmuk juga penting dalam menguasai sintaksis kerana melibatkan pembentukan ayat

yang asas seperti ayat tunggal, klausa bebas atau klausa tidak bebas untuk menentukan bahagian ayat majmuk dalam ayat. Apabila hal ini difahami, kita tidak akan mengatakan bahawa aspek bahasa yang betul sebagai salah atau aspek bahasa yang salah sebagai betul (Abdul Ghalib Yunus 2012). Jadual 3 di bawah ini menunjukkan peratusan pelajar dalam menentukan kata hubung yang sesuai dalam ayat.

JADUAL 3. Ayat Majmuk

| No. | Soalan   | Jawapan yang betul | Jawapan yang salah |
|-----|--|--------------------|--------------------|
| 1.  | Orang ini miskin <i>tetapi</i> ia bahagia                            | 44                 | 6                  |
| 2.  | Dia membeli barang yang mahal, <i>padahal</i> ada barang yang murah. | 32                 | 18                 |
| 3.  | Ali jatuh terlalu tinggi <i>hingga</i> patah kakinya.                | 5                  | 45                 |
| 4.  | Beliau tetap akan datang <i>sekalipun</i> hujan lebat.               | 43                 | 7                  |
| 5.  | Dia tidak hadir ke kuliah <i>kerana</i> dia sakit.                   | 45                 | 5                  |
| 6.  | Mereka bangun <i>lalu</i> turun ke serambi.                          | 31                 | 19                 |
| 7.  | Ayahnya banyak pengalaman <i>lagi</i> besar pengaruhnya.             | 31                 | 19                 |
| 8.  | Ia bercakap dengan kuat <i>serta</i> menepuk-nepuk dadanya.          | 43                 | 7                  |
| 9.  | Budak <i>yang</i> sedang membaca majalah itu anak saya.              | 41                 | 9                  |
| 10. | Dia mengetahui <i>bahawa</i> Ahmad telah bersara.                    | 43                 | 7                  |
|     | Jumlah   | 358                | 142                |
|     | Peratus  | 72%                | 28%                |

Jadual 3 menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam memahami ayat majmuk. Purata bagi pelajar yang menguasai ayat hubung ialah sebanyak 72% dan purata pelajar tidak sepenuhnya menguasai ayat hubung sebanyak 28%. Mengikut skala peratusan pelajar, 72% dalam kategori cemerlang daripada segi penguasaan ayat majmuk berbanding 28% dalam kategori lemah. Secara keseluruhannya, pelajar berkebolehan dalam menguasai ayat majmuk. Namun, ada kesalahan yang dilakukan oleh sesetengah pelajar disebabkan oleh tidak menguasai makna perkataan. Oleh itu, kesalahan akan sering berlaku jika pelajar lemah dalam menggunakan perkataan pada ayat yang sesuai mengikut rumus-rumus yang ada. Rajah 7 di bawah membuktikan purata penguasaan ayat majmuk pelajar.



RAJAH 3. Jawapan yang Betul dan Jawapan yang Salah

Kesilapan yang paling jelas yang dilakukan oleh pelajar adalah pada soalan (3), (6), (7) dan (2). Purata paling tinggi pada soalan (3) iaitu seramai 45 orang pelajar, diikuti dengan soalan (6) dan (7) iaitu seramai 19 orang pelajar dan seterusnya soalan (2) iaitu seramai 18 orang pelajar. Soalan yang diberikan merupakan peringkat asas dalam ayat majmuk untuk mengenal pasti keupayaan pelajar dalam aspek sintaksis ini.

## Soalan 3.

Jawapan salah: Ali jatuh terlalu tinggi “*lalu*” patah kakinya.  
Jawapan betul: Ali jatuh terlalu tinggi “*hingga*” patah kakinya.

Berdasarkan ayat di atas, perkataan “*hingga*” adalah jawapan yang tepat kerana termasuk dalam ayat majmuk keterangan akibat. Ayat ini menerangkan kesan, atau hasil perbuatan, akibat daripada sesuatu perbuatan atau kejadian. Oleh itu, fungsi “*lalu*” tidak tepat dalam ayat. Perkataan “*lalu*” merupakan kata hubung yang faktanya berturutan dan tidak bertentangan fakta atau maksud (Abdul Hamid Mahmood 2013). Sekiranya pelajar mampu untuk menguasai makna perkataan yang betul, ia boleh mengurangkan kesalahan yang dilakukan.

Purata kesalahan jawapan bagi soalan 6 dan 7 ialah sama, 4 iaitu sebanyak 19%. Kebanyakan pelajar masih tidak mahir dalam menentukan fungsi bagi setiap kata hubung yang digabungkan menjadi ayat majmuk.

## Soalan 6

Jawapan salah: Mereka bangun “*dan*” turun ke serambi.  
Jawapan betul: Mereka bangun “*lalu*” turun ke serambi.

Penggunaan “*dan*” dalam ayat tidak sesuai kerana “*dan*” hanya untuk sesuatu perkara yang dilakukan secara tidak bertentangan atau fakta secara berturutan. Oleh itu, kata hubung lalu digunakan untuk melengkapkan ayat tersebut. Perkataan “*lalu*” berfungsi sebagai menyatakan sesuatu perbuatan yang terus atau langsung dibuat selepas perbuatan yang pertama untuk menghubungkan klausa utama dan klausa tak bebas. Ayat ini dalam kategori ayat majmuk gabungan.

## Soalan 7

Jawapan salah: Ayahnya banyak pengalaman “*kerana*” besar pengaruhnya.  
Jawapan betul: Ayahnya banyak pengalaman “*lagi*” besar pengaruhnya.

Jawapan “*lagi*” lebih tepat daripada “*kerana*”. Perkataan “*lagi*” digolongkan sebagai kata tugas dan merupakan ayat majmuk gabungan. Perkataan ini membawa maksud pelbagai berdasarkan fungsinya dalam ayat. Maksud “*lagi*” dalam ayat ialah kata hubung yang digunakan untuk menguatkan atau menegaskan kata-kata sebelum ini (Abdul Ghalib Yunus 2012). Perkataan “*kerana*” tidak tepat penggunaannya kerana ia berfungsi untuk menerangkan sebab berlakunya sesuatu kejadian yang termasuk dalam golongan ayat keterangan musabab.

## Soalan 2

Jawapan salah: Dia membeli barang yang mahal, “*dan*” ada barang yang murah.

Jawapan betul: Dia membeli barang yang mahal, “*padahal*” ada barang yang murah.

Perkataan “*padahal*” merupakan keterangan pertentangan yang membawa unsur menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan. Setiap jenis ayat keterangan bergantung kepada kata hubung yang digunakan dan maksud ayat terkandung dalamnya (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Oleh itu, “*dan*” sebagai kata hubung dalam ayat tidak sesuai kerana apabila digabungkan maksud klausa utama dan klausa tidak bebas menjadi ayat yang bertentangan bukan susunan fakta berturut-turut. Perkataan “*padahal*” juga dalam kategori ayat majmuk gabungan.

Kesilapan yang paling rendah dilakukan oleh pelajar adalah pada soalan (9) seramai 9 orang pelajar, soalan (4), (8) dan (10) sama puratanya seramai 7 orang pelajar, (1) puratanya seramai 6 orang pelajar dan (5) puratanya seramai 5 orang pelajar. Mereka gagal dalam mengenal pasti kata hubung yang sesuai untuk ayat majmuk. Setiap kata mempunyai fungsi yang berbeza bergantung kepada maksud ayat. Kebanyakan pelajar menguasai bahasa dengan baik tetapi tidak menguasai cabang daripada jenis kata, frasa, klausa, dan ayat sehingga dapat membentuk satu ayat yang lengkap. Pelajar haruslah mengetahui aspek penting bahasa, terutamanya daripada segi tatabahasa (Abdul Ghalib Yunus 2012).

## Soalan 9

Jawapan salah: Budak “*itu*” sedang membaca majalah itu anak saya.

Jawapan betul: Budak “*yang*” sedang membaca majalah itu anak saya.

Penggunaan perkataan “*itu*” dalam ayat tidak tepat kerana “*itu*” ialah kata ganti nama tunjuk. Fungsinya untuk mengarah kepada sesuatu perkara, benda atau tempat (Kamus Dewan Edisi Keempat 2010). Ayat ini terdiri daripada dua ayat induk yang telah melalui proses pengguguran kata. Oleh itu, kata hubung pancangan relatif “*yang*” amat sesuai untuk ayat ini kerana tugasnya untuk menghubungkan antara ayat induk menjadi ayat yang gramatis. Penggunaan perkataan “*yang*” juga termasuk dalam ayat majmuk pancangan relatif.

## Soalan 4

Jawapan salah: Beliau tetap akan datang “dalam” hujan lebat.  
Jawapan betul: Beliau tetap akan datang “*sekalipun*” hujan lebat.

Perkataan “*sekalipun*” lebih sesuai dengan maksud ayat berbanding perkataan “*dalam*”. Kata “*dalam*” tidak digolongkan sebagai kata hubung namun ia berfungsi sebagai kata sendi nama, kata arah dan kata adjektif sahaja. Oleh itu, penggunaan kata “*dalam*” sebagai kata hubung mestilah dielakkan. (Nik Safiah Karim 2011) Ayat ini bermaksud keterangan berlawanan atau pertentangan. Oleh sebab ayat ini ialah ayat majmuk keterangan pertentangan, kata hubung yang tepat ialah “*sekalipun*”.

## Soalan 8

Jawapan salah: Ia bercakap dengan kuat “*dengan*” menepuk-nepuk dadanya.  
Jawapan betul: Ia bercakap dengan kuat “*serta*” menepuk-nepuk dadanya.

Kata hubung gabungan “*serta*” lebih tepat daripada kata hubung keterangan cara “*dengan*”. Perkataan *serta* memberi makna berlaku pada waktu itu secara berturutan faktanya (Asmah Haji Omar 1982). Manakala, “*dengan*” ialah unsur yang menerangkan gaya atau kaedah sesuatu perbuatan atau kejadian berlaku tanpa ada waktu (Nik Safiah Karim 2011). Setiap kata berbeza fungsinya, ada yang sama tugasnya ada yang tidak sesuai perkataannya di letakkan dalam sesuatu ayat. Pengetahuan tentang tatabahasa sememangnya mempengaruhi sesuatu ayat yang dikenal pasti oleh pelajar. Oleh itu, ayat ini termasuk dalam kategori ayat majmuk gabungan.

## Soalan 10

Jawapan salah: Dia mengetahui “*yang*” Ahmad telah bersara.  
Jawapan betul: Dia mengetahui “*bahawa*” Ahmad telah bersara.

Perkataan “*yang dalam jawapan*” tidak tepat. Kata hubung yang tepat ialah “*bahawa*”. Ayat di atas terdiri daripada dua ayat, iaitu ayat satu ayat induk dan satu ayat komplemen yang dipancarkan dan ayat majmuk gabungan. Perkataan “*bahawa*” digunakan untuk menghubungkan dua ayat untuk menjadi satu maksud. Penggunaan *yang* tidak sesuai kerana fungsinya sebagai penanda relatif dan digunakan juga untuk menggantikan nama yang digugurkan daripada frasa nama.

## Soalan 1

Jawapan salah: Orang ini miskin “*dan*” ia bahagia  
Jawapan betul: Orang ini miskin “*tetapi*” ia bahagia.

Ayat di atas terdapat kesilapan yang berlaku iaitu penggunaan kata hubung gabungan “*dan*” tidak tepat. Yang tepatnya ialah kata hubung gabungan “*tetapi*” yang menunjukkan maksud bertentangan bukan berturutan fakta. Ayat induk yang pertama berbeza maksud berbanding dengan ayat induk yang kedua dan berlakunya pengguguran frasa nama untuk menjadi satu ayat lengkap. Pelajar harus meneliti maksud ayat sebelum menggunakan kata majmuk yang sesuai. Oleh itu, aspek morfologi dan sintaksis seharusnya diajar secara berperingkat kepada pelajar agar pelajar dapat tahu fungsi dan kegunaan dalam ayat bahasa Melayu (Awang bin Mohamed Amin 1982). Ayat di atas merupakan ayat majmuk gabungan dengan penggunaan perkataan *tetapi*.

## Soalan 5

Jawapan salah: Dia tidak hadir ke kuliah “*sebab*” dia sakit.  
Jawapan betul: Dia tidak hadir ke kuliah “*kerana*” dia sakit.

Perkataan “*sebab*” tidak boleh menggantikan perkataan “*kerana*”. Dua perkataan ini berbeza daripada segi golongan katanya. Perkataan *sebab* ialah kata nama, manakala perkataan *kerana* ialah kata hubung pancangan keterangan. Oleh itu, perkataan “*kerana*” lebih sesuai dalam menerangkan perkara yang berlaku dan termasuk dalam ayat majmuk keterangan musabab. Dan perkataan “*sebab*” boleh juga digunakan dalam ayat apabila ada penambahan perkataan “*oleh*” iaitu “*oleh sebab*” (Abdul Ghalib Yunus 2012).


## JENIS AYAT

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, yang pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna (Nik Safiah Karim 2011). Dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai jenis ayat. Secara umumnya, ayat dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah. Jadual 4 di bawah, purata kesilapan jenis ayat yang dilakukan oleh pelajar.

JADUAL 4. Jenis Ayat

| No.     | Soalan                           | Jawapan         | Jawapan yang Betul | Jawapan yang salah |
|---------|----------------------------------|-----------------|--------------------|--------------------|
| 1.      | Nadirah jurutaip                 | Ayat penyata    | 15                 | 35                 |
| 2.      | Shima masih menangis?            | Ayat tanya      | 27                 | 23                 |
| 3.      | Jaga barang-barang ini.          | Ayat perintah   | 27                 | 23                 |
| 4.      | Jangan ambil harta orang.        | Ayat larangan   | 22                 | 28                 |
| 5.      | Sila serahkan borang ke pejabat. | Ayat silaan     | 7                  | 43                 |
| 6.      | Tolong tutup pintu.              | Ayat permintaan | 7                  | 43                 |
| 7.      | Syabas, engkau telah menang!     | Ayat seruan     | 21                 | 29                 |
| 8.      | Buku itu dibaca oleh Wani.       | Ayat pasif      | 6                  | 44                 |
| 9.      | Nurul membeli buah durian.       | Ayat aktif      | 4                  | 46                 |
| 10.     | Ali seorang jurutera.            | Ayat penyata    | 6                  | 44                 |
| Jumlah  |                                  |                 | 142                | 358                |
| Peratus |                                  |                 | 28.4%              | 71.6%              |

Berdasarkan Jadual 4, purata keseluruhan bagi pelajar dalam mengenal pasti jenis ayat sebanyak 28.4% dan purata pelajar yang gagal menguasainya sebanyak 71.6%. Ini bermakna, penguasaan pelajar dalam menentukan jenis ayat masih dalam keadaan lemah. Skala peratusan pelajar membuktikan, purata 28.4% termasuk dalam kategori yang lemah untuk menguasai sesuatu bidang. Purata ini amat membimbangkan apabila pelajar tidak bersungguh-sungguh untuk memahami pelbagai jenis ayat yang ada dalam bahasa Melayu.



RAJAH 4. Jawapan yang Betul dan Jawapan yang Salah

Rajah 4 menjelaskan purata jawapan yang betul dan jawapan yang salah untuk jenis ayat. Soalan yang paling tinggi kesalahan ialah (9), (10), (8), (5), (6), dan (1). Purata pelajar bagi soalan (9) seramai 46 orang pelajar, diikuti dengan soalan (10) seramai 44 orang pelajar dan bagi soalan (8) seramai 44 orang pelajar. Selain itu, soalan (5) dan (6), purata pelajar melakukan kesilapan seramai 43 orang pelajar. Bagi soalan (1), purata pelajar seramai 35 orang pelajar.

#### AYAT AKTIF TRANSITIF

Berdasarkan soalan 9, ayat “*Nurul membeli buah durian*” ialah ayat aktif transitif. Ia bermaksud ayat yang mengandungi kata kerja transitif, iaitu yang diikuti oleh frasa nama ataupun klausa komplemen sebagai objek atau unsur penyambutnya (Nik Safiah Karim 2011). Namun, ayat ini diikuti frasa nama selepas kata kerja transitif. Jawapan yang diberikan oleh pelajar ialah ayat penyata. Ia tidak tepat kerana ayat ini tidak memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Ayat yang mempunyai subjek dan predikat menunjukkan sesuatu perbuatan iaitu “*membeli*” dan objeknya “*buah*”.

#### AYAT PENYATA

Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Ayat jenis ini disebut sebagai ayat berita atau ayat keterangan (Nik Safiah Karim 2011). Bagi soalan (1) “*Nadirah jurutaip*” dan soalan (10) “*Ali seorang jurutera*” ialah ayat penyata. Namun, kesilapan pelajar dalam menentukan jenis ayat yang memberikan jawapan ayat majmuk. Jawapan tidak tepat kerana tidak ada kata hubung yang jelas dalam ayat tersebut. Syarat mengenal pasti ayat majmuk ialah dihadirkan kata hubung dalam ayat berkenaan.

#### AYAT SILAAN

Berdasarkan soalan 5, ayat “*Sila serahkan borang ke pejabat*” ialah ayat silaan. Ayat silaan ialah ayat yang menggunakan kata silaan seperti *sila* atau *jemput* sebelum kata kerja dengan tujuan menjemput atau mempersilakan seseorang (Nik Safiah Karim 2011). Disebabkan oleh ayat silaan seakan-akan memberikan makna ayat suruhan, pelajar telah memberikan jawapan ayat suruhan bagi soalan 9. Ini tidak sesuai dengan soalan yang diberikan kerana ayat silaan dan ayat suruhan amat berbeza di permulaan ayat. Contoh ayat seperti:

Ayat Silaan: Sila istirahat dahulu.

Ayat Suruhan: Pujuklah budak yang menangis itu.

#### AYAT PERMINTAAN

Soalan 6 merupakan sejenis ayat permintaan. Maksud ayat permintaan ialah ayat yang menggunakan kata permintaan, seperti “*minta*” dan “*tolong*” dengan tujuan memohon permintaan dan pertolongan. Ayat “*Tolong tutup pintu*” sudah menjelaskan jenis ayat pada permulaan lagi. Apabila perkataan “*Tolong*” memang menggambarkan ayat seseorang memohon atau meminta tolong melakukan sesuatu. Jawapan yang diberikan oleh pelajar ialah ayat arahan. Iaitu menegah daripada melakukan atau bertindak hanya dengan arahan. Ia tidak tepat kerana ayat permintaan menggunakan ayat yang positif untuk meminta pertolongan orang lain.

#### AYAT SURUHAN

Maksud ayat suruhan ialah ayat yang digunakan dengan tujuan memberi perintah atau arahan. Dalam ayat suruhan, subjek ialah kata ganti nama orang kedua yang digugurkan. Ayat pada soalan 3, “*Jaga barang-barang ini*” telah digugurkan subjeknya. Ia juga memberi suruhan agar melakukan sesuatu dengan segera. Pelajar telah berjaya menjawab dengan tepat, namun masih ada pelajar yang tidak memberi kerjasama untuk menjawab soalan.

#### AYAT TANYA

Bagi soalan 2, ayat “*Shima masih menangis?*” ialah ayat tanya. Maksud ayat tanya ialah ayat

yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal dan di hujung ayat ditandai dengan tanda soal (Nik Safiah Karim 2011). Jawapan bagi ayat tanya, pelajar menjawab dengan cemerlang. Tidak ada kesalahan, namun ada pelajar yang tidak menjawab bahagian tersebut.

#### AYAT SERUAN

Bagi ayat Syabas, “*engkau telah menang!*” merupakan ayat seruan kerana di hujung ayat ditandai dengan tanda seruan (!). Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk melahirkan suatu keadaan, seperti takut, marah, takjub, geram, sakit, dan sebagainya (Nik Safiah Karim 2011). Namun, ada pelajar gagal menjawab soalan 7 dengan tepat iaitu memberikan jawapan ayat penyata. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar membuktikan walaupun sesuatu ayat sudah mempunyai tanda tertentu, pelajar masih membuat kesilapan yang jelas.

#### AYAT LARANGAN

Berdasarkan soalan 4, ayat “*Jangan ambil harta orang*” ialah ayat larangan. Ayat ini menggunakan kata larangan seperti “*jangan, usah*”, atau “*tak usah*” sebelum kata kerja dengan tujuan menegah seseorang melakukan sesuatu (Nik Safiah Karim 2011). Pelajar telah memberikan jawapan sebagai ayat penegasan. Jawapan ini tidak tepat kerana umumnya sesuatu ayat yang memberikan makna penegasan mestilah menggunakan partikel penegas “*-lah*” dalam ayat. Oleh itu, jawapan yang tepat untuk soalan 4 ialah ayat larangan.

Berdasarkan keseluruhan hasil kajian yang diperoleh, analisis kesalahan membantu pengkaji untuk mengenal pasti kelemahan bahasa yang sering menjadi kekeliruan pelajar akibat kurangnya penguasaan dan pengetahuan tentang bahasa Melayu. Pelajar yang mengambil bidang bahasa khususnya sewajarnya tahu menggunakan ayat dan kata yang betul agar dapat membentuk ayat yang gramatis serta mematuhi hukum tatabahasa yang betul. Hal ini demikian kerana, setiap aspek yang digunakan memberikan makna dalam sesuatu ayat (Noor Fadilah Dawi 2010). Oleh itu, pentingnya pelajar dapat menguasai dahulu sistem atau rumus tentang bahasa Melayu khususnya memfokuskan kajian ini iaitu sintaksis agar dapat

mengelakkan kesalahan biasa yang dilakukan sekali gus membuktikan nilai bahasa yang tinggi dengan menjaga tatabahasa yang betul dan tepat.

## KESIMPULAN

Hasil penelitian ke atas dapatan kajian menjelaskan bahawa tahap penguasaan pelajar tahun akhir yang mengambil jurusan bahasa dan linguistik Melayu masih berada dalam tahap sederhana. Kebanyakan pelajar menguasai penggunaan bahasa dengan baik tetapi tidak menguasai jenis kata, frasa, klausa, dan ayat. Dalam pembelajaran bahasa Melayu khususnya tatabahasa, pelajar bukan sahaja dikehendaki menguasai penggunaan bahasa, tetapi mereka juga mestilah mengetahui aspek penting, terutamanya sintaksis, morfologi iaitu bidang yang berkaitan dalam pembentukan ayat (Abdul Ghalib 2012).

Analisis data yang dilakukan oleh pengkaji membuktikan penguasaan pelajar dalam sintaksis masih memerlukan peningkatan kefahaman yang lebih baik. Para pelajar khususnya yang mengambil bidang bahasa agar menambahkan kemahiran berkaitan ayat dan pengetahuan dalam menguasai sintaksis bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana penggunaan hukum bahasa yang betul masih di peringkat sederhana pada kajian yang lepas seperti struktur ayat yang tidak kemas dan gramatis. Pengkaji berpendapat bahawa hasil kajian yang dijalankan kepada pelajar Universiti Putra Malaysia masih di tahap baik namun usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk menambah ilmu agar berupaya menguasai ilmu bahasa yang mempunyai pelbagai cabang. Oleh itu, keperluan pelajar untuk memahami tentang ilmu linguistik asas dan tatabahasa sangat digalakkan. Pelajar perlu didedahkan dengan latihan yang membincangkan salah atau betul bahasa itu digunakan. Akhirnya, pelajar berkemahiran untuk mengesan kesalahan dalam pembentukan ayat dan mampu memelihara kemurnian bahasa Melayu di mana-mana sahaja.

## RUJUKAN

- Abdul Ghalib Yunus. 2012. *Soal Jawab Bahasa dengan Munsyi Dewan*. Kuala Lumpur: Marshall Cavendish Education.
- Abdul Hamid Mahmood. 2013. *Pengajaran Bahasa Melayu Berkesan*. Tanjong Malim. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Ismail. 1998. Analisis Pola-pola Sintaksis dalam Penulisan Karangan di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Awang Mohamad Amin. 1982. Satu Kajian Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Awang Sariyan. 2010. Kursus Bahasa Melayu Wajib kepada pelajar Asing: Mengharap Susulan Konkrit. Dimuat turun pada September 2016 daripada <http://kembarabahasa.blogspot.my>
- Dazriiansyah. 2015. Analisis Kesalahan Struktur Kalimat pada Karangan arasi Siswa Kelas XI Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Tanjung Pinang. Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan UMRH. Dimuat turunkan pada 10 Januari 2019 daripada <http://jurnal.umrah.ac.id/?p=3787>
- Jaafar Jambi. 2008. Cabaran dan Proses Pemantapan Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 19(1).
- Jayasundara & Premarathna. 2011. A Linguistic Analysis on Errors Committed in English by Undergraduates. *International Journal Scientific and Research Publications* 1(1).
- Jeniri Amir. 2005. Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnal Dewan Bahasa* 5(4).
- Juriah Long, Raminah Hj. Sabran & Sofiah Hamid. 1994. *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kouider Mokhtari & Dale S.Niederhauser. 2012. Vocabulary and Syntactic Knowledge Factors in 5<sup>th</sup> Grade Students' Reading Comprehension. *International Electronic Journal of Elementary Education* 5(2):157-170.
- Shukery Mohamed & Zaharah Abdullah .1998. Kepentingan Pengetahuan Sedia Ada dalam Bacaan dan Pemahaman: Satu Sorotan Ringkas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 16:85-93.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2009. *Teori Bahasa (Implikasinya terhadap Pengajaran Tatabahasa)*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2011. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. 1981. *Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesannya terhadap Pembelajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Fadilah binti Dawi. 2010. Penguasaan Kata Kerja dalam Kalangan Pelajar Bacelor Sastera Universiti Putra Malaysia. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nor Maizam binti Hamid. 2002. Analisis Kesilapan Sintaksis dalam Karangan Pelajar Pra-Universiti: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Nurul Istinganah. 2012. Analisis Kesalahan Sintaksis pada Karangan Narasi Ekspositoris Siswa Kelas VIII SMP Negeri 1 Banguntapan, Bantul, Yogyakarta. S1 Tesis. Universitas Negeri Yogyakarta. Dimuat turun 13 Mac 2018 daripada <https://eprints.uny.ac.id/8395/>

Ooi Chwe Hwa, Vijayaletchumy Subramaniam & Che Ibrahim Salleh. 2014. Pengaruh Bahasa Pertama dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina. *Pertanika MAHAWANGSA Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* 1(2):273-278.

Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed b. Mohamed Sultan. 2010. Tahap penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa. *Jurnal Linguistik* 10:48-61.

Zaliza Mohamad Nasir. 2017. Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia. *LSP International Journal* 4(1):23-25.

Siti Khodijah Binti Che Mee  
1/C Kampung Baru  
08300, Gurun  
Kedah Darul Aman  
E-mel: sitikhodijahchemee@yahoo.com

Diserahkan: 28 Jun 2019  
Diterima: 11 November 2019

